

Kesumba UMSKAL galak staf bermiagaan

NST 30.10.2015 6

LABUAN: Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita UMS (Kesumba) UMS Kampus Antarabangsa Labuan menggalakkan kakitangan wanita membabitkan diri dalam perniagaan.

Pengerusinya, Hayati Salleh Baihaki berkata melalui pembabitan ahli dalam perniagaan itu, mereka mampu beroleh pendapatan tambahan.

Pada masa sama, katanya, staf wanita menjadikan perniagaan sebagai bidang yang boleh diceburi untuk menyara keluarga selepas bersara kelak.

"Kesumba menggalakkan ahli dan staf wanita membabitkan diri dalam bidang perniagaan bukan sahaja untuk menyara keluarga tetapi juga menjadikan perniagaan sebagai pekerjaan selepas bersara kelak," katanya.

Beliau yang juga Penolong Bendahari Kanan UMS berkata demikian ketika ditemui selepas majlis perasmian Kesumba Biz and Beat di Kafetaria UMS Kampus Antarabangsa Labuan, kelmarin.

Majlis perasmian gerai tersebut disempurnakan oleh Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik yang juga Penasihat Kesumba UMSKAL.

Turut hadir Timbalan Pendaftar Kanan, Zamri Mohamad Tuah dan Setiausaha Kehormat Kesumba KAL, Norhanizah Adnan.

Pada majlis itu, Dr Murnizam dan Zamri bersama Hayati mengagihkan sebanyak 100 gelas minuman dan kek secara percuma kepada pelajar dan kakitangan yang menjayakan program tersebut.



SIMBOLIK..... Dr Murnizam (empat kanan) bersama Hayati Baihaki sambil diperhatikan Zamri memotong kek sebagai simbolik perasmian Kesumba Biz and Beat di Kafetaria UMS Kampus Antarabangsa Labuan,

Sementara itu, Hayati berharap lebih ramai staf wanita terutama pensyarah Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) dan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) menganggotai kelab tersebut untuk memastikan program dan aktiviti yang dirancang berjalan lancar.

Beliau juga yakin dengan adanya golongan akademik akan membantu menaikkan semangat ahli yang lain untuk menjalankan program pada masa akan datang.

Selain itu, Hayati juga mahu suri rumah yang suami mereka merupakan kakitangan UMSKAL menyertai Kesumba kerana banyak aktiviti membabitkan masyarakat setempat akan diadakan.

"Kesumba yang mempunyai 64 ahli ketika ini juga akan mengadakan aktiviti yang membabitkan masyarakat setempat dan badan bukan kerajaan (NGO wanita di Wilayah Persekutuan Labuan," katanya.

Beliau tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada pengurusan UMSKAL yang membantu Kesumba menguruskan kafetaria yang menjual pelbagai jenis minuman sekaligus memberikan banyak pilihan kepada mahasiswa membeli minuman di gerai di kafetaria tersebut.

Gerai Kesumba itu dikendalikan staf dan pelajar UMSKAL sendiri. -OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainudin@newsabahtimes.com.my)